

Pil ecstasy RM645,000 dirampas

SIHARIAN 9/4/19

M5/8

Iskandar Puteri: Polis merampas 21,500 pil dipercayai ecstasy bernilai RM645,000, yang cuba diseludup ke luar negara selepas mengejar sebuah bot fiber, berhampiran sebuah kelong di Sungai Pulai.

Dalam kejadian jam 6 petang Sabtu lalu, dua lelaki tempatan dalam bot berkenaan bagaimanapun berjaya meloloskan diri ke kawasan hutan bakau tebal tidak jauh dari lokasi kejadian.

Komander Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua, Asisten Komisioner Paul Kheu Khon Chiang, berkata bot fiber ber-

kenaan dikesan sepasukan anggota Bot RH31 dari Markas Taktikal PPM Wilayah Dua Kukup, Pontian ketika sedang membuat rondaan.

“Bot berkenaan terus memcut laju selepas menyedari kehadiran pihak berkuasa dan pasukan polis terus mengejar bot dinaiki dua lelaki itu kira-kira 15 minit.

“Ketika mengejar bot, seorang daripada suspek mencampakkan sesuatu objek ke dalam air sebelum terus memcut ke kawasan yang cetek sebelum melarikan diri ke dalam hutan

bakau dan meninggalkan bot berkenaan,” katanya pada sidang media yang turut dihadiri Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri, Asisten Komisioner Dzulkhairi Mukhtar, di Ibu Pejabat Polis Daerah Iskandar Puteri di sini, semalam.

Dadah dicampak ke laut

Khon Chiang berkata hasil pemeriksaan mendapati objek yang dicampak ke dalam air adalah satu beg besar berwarna hitam dan di dalamnya terdapat pil jenis ecstasy.

Sementara itu, Dzulkhairi

berkata siasatan lanjut mendapati ada tujuh bungkusan mengandungi 21,500 biji pil ecstasy dalam beg berkenaan membatikan lima bungkusan pil berwarna merah jambu (14,300 biji) dan dua bungkusan pil berwarna hijau (7,200 biji).

“Semua pil dirampas, jika mengikut harga pasaran, dianggarkan bernilai RM645,000. Kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan pihak polis masih giat mengesan dua suspek yang berjaya meloloskan diri itu,” katanya.